

**Kerajaan Pusat Tidak Pinggirkan Kelantan Dalam Perkhidmatan Kesihatan
Bernama
18 Mac, 2012**

KOTA BAHARU, 18 Mac (Bernama) -- Kerajaan pusat tidak meminggirkan Kelantan yang ditadbir Pas dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kerana mahu rakyat negeri itu mendapat rawatan kesihatan terbaik, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata kerajaan pusat memberi banyak perhatian dalam bidang tersebut termasuk menambah doktor pakar, menaiktaraf kemudahan di hospital dan klinik kesihatan di seluruh negeri ini.

Mustapa berkata langkah tersebut menjadikan rakyat negeri ini mendapat rawatan kesihatan yang setanding dengan negeri lain.

"Kerajaan pusat memberi banyak perhatian kerana di Kelantan ada masalah kesihatan berkaitan air dan lain-lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar panel penasihat Klinik Kesihatan peringkat negeri Kelantan di Politeknik Kota Baharu di Kok Lanas dekat sini.

"Kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pusat," kata Mustapa yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653070>